

Press Release

Media : Seri Dewi & Keluarga
 Date : Oct 2013
 Page : 76
 Published : Monthly
 Language : Bahasa Malaysia
 Circulation : 88,000 (audited by ABC)



A magazine that responds to the needs of the Malaysian family through topics on education and upbringing, health, relationships, psychology, fashion, beauty and culinary skills.

Category: Family Magazine
 Target Audience: Female, 20-45 years

Jimat & Selamat dengan Eco Bottle



Dalam kehidupan seharian, kerap kali kita menggunakan botol air minuman plastik pakai buang untuk menghilangkan dahaga.

Jumlah buangan botol air minuman plastik ini yang semakin bertambah dari hari ke hari pula memerlukan ruang yang khusus untuk menempatkannya. Pengurusan botol-botol yang tidak terkawal akan mengakibatkan botol dibuang secara merata-rata sehingga mengganggu pandangan dan persekitaran. Tidakkah anda terfikir dengan inisiatif anda menggunakan botol isian semula untuk menyimpan air minuman, anda dapat menyelamatkan bumi daripada situasi sebegini?

Menyedari situasi ini, Tupperware Brands terus berusaha mencipta alternatif dengan menghasilkan botol air minuman mesra alam sekitar iaitu Eco Bottle. Eco Bottle sangat sesuai untuk semua suasana sama ada di rumah, pejabat atau di mana-mana sahaja anda berada.

Terdapat pelbagai warna, ia boleh digunakan untuk melengkapkan semua keadaan dalam kehidupan seharian anda sekeluarga!

Kenapa Eco Bottle?

Dengan adanya Eco Bottle, anda akan sentiasa diingatkan supaya meminimumkan jumlah air yang diperlukan setiap hari. Proses penghidratan yang betul dapat membantu mengawal suhu badan, menghapuskan toksin, mengekalkan stamina dan mengurangkan keletihan. Tambahan pula, ia menjimatkan masa kerana anda tidak perlu lagi mencari ruang untuk menyimpan botol air minuman pakai buang. Perbelanjaan dapat dijitamkan kerana dengan adanya



Eco Bottle, anda hanya perlu masak air di rumah dan mengisinya ke dalam botol tersebut.

Air botol minuman pakai buang memerlukan kos sebanyak 3,500 kali ganda lebih daripada penggunaan air paip. Sebaliknya Eco Bottle sangat menjimatkan kerana anda boleh menggunakannya berulang kali dengan selamat dan tahan lama.

Malah, Eco Bottle menghalang penggunaan berbilion botol minuman pakai buang daripada berakhir di tapak pelupusan, di mana mengambil masa kira-kira 1,000 tahun untuk terbiodegrasi dan melupuskan sisa toksik ke dalam tanah yang akhirnya akan membahayakan air minuman kita.

Untuk maklumat lanjut mengenai Tupperware Brands, sila layari tupperwarebrands.com.my atau hubungi 1300 88 5500.

